

30/04/2001

Kem Wataniah Bukit Kayu Hitam patut kekal

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BARU-BARU ini ketika menunggu giliran membayar bil telefon, penulis menemui seorang pegawai kanan tentera. Sambil menunggu giliran, penulis berbual-bual dengan pegawai berpangkat itu.

Topik perbualan adalah mengenai Kem Wataniah 305 di Bukit Kayu Hitam, bersempadan dengan pekan Danuk di Thailand. Kem berkenaan akan dipindahkan ke selatan, iaitu lebih jauh daripada sempadan Malaysia-Thailand.

Kem itu terpaksa dipindahkan bagi memberi laluan kepada projek komersial Kota Perdana bernilai RM6 bilion yang dijangka siap sepenuhnya pada 2010.

Pelancaran projek berkenaan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu.

Kawasan itu dipilih kerana ia dikatakan amat strategik bagi pembangunan kawasan sempadan itu, khususnya menarik pelaburan asing bagi menggerakkan ekonomi negara yang mengalami kelembapan.

Kawasan perindustrian Kota Perdana itu akan dikenali sebagai Taman Industri Metropolis Asean (AIMP) yang bakal menarik pelabur luar negara.

Ia adalah projek Northern Gateway Sdn Bhd (Northern Gateway) sebuah syarikat usaha sama Kerajaan Kedah menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dengan Benua Bayu Sdn Bhd milik Kumpulan Syarikat Bukhary.

Bagaimanapun, penulis tidak berhasrat menceritakan secara panjang lebar mengenai projek berkenaan, sebaliknya memberikan pandangan hasil perbualan dengan pegawai tentera tadi.

Beliau hairan mengapa kerajaan memindahkan kem tentera yang lokasinya amat strategik daripada ancaman terhadap keselamatan negara.

Katanya, kedudukan kem itu berhampiran sempadan adalah kawasan strategik dari segi keselamatan negara.

"Bayangkan, senjata kita dipasang pada lokasi strategi terus ke garisan sempadan. Jika ada musuh yang cuba melanggar menerusi jalan darat misalnya, mereka akan berfikir banyak kali," kata pegawai tentera itu kepada penulis.

Beliau juga kehairanan mengapa kerajaan memindahkan kem berkenaan jauh daripada sempadan, sedangkan kedudukannya amat sesuai dari segi strategi ketenteraan dan keselamatan negara.

Penulis yang tidak mahir dalam bidang strategi ketenteraan dan keselamatan juga terfikir bahawa pandangan pegawai berpangkat tinggi itu ada kebenarannya.

Mengapa kerajaan memindahkan sebuah kem tentera di lokasi strategik ke kawasan lain semata-mata untuk memberi laluan kepada projek komersial.

Mungkin penulis kurang arif dalam bidang ekonomi kerana kemungkinan pakar ekonomi berpendapat bahawa usaha memajukan projek perindustrian di kawasan sempadan boleh membawa keuntungan jangka panjang kepada negara.

Memang tidak dinafikan pendapat itu ada kebenarannya kerana ia boleh menarik pelabur asing, khususnya dari negara jiran Thailand. Selain memberi membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, tenaga buruh asing dari Thailand yang mungkin lebih murah juga boleh diperolehi kerana jaraknya yang dekat.

Tetapi adakah kerana bagi membangunkan negara, kita bersedia menukarkannya dengan ancaman terhadap keamanan negara dan keselamatan rakyat.

Selain pegawai tentera berpangkat tinggi itu, penulis juga kehairanan Kementerian Pertahanan turut bersetuju memindahkan kem itu lebih jauh dari sempadan sedangkan tempat sedia ada lebih strategik.

Sepatutnya, kem itu dikekalkan di situ bukan saja kerana kedudukannya yang strategik, malah bakal memberi lebih keyakinan kepada pelabur untuk melabur di Kota Perdana.

Bagaimanapun, kita serahkan kepada pihak kerajaan kerana mungkin ada alasan tersendiri mengapa Kem Wataniah 305 dipindahkan.

Sebagai makluman, pelaburan membabitkan tiga fasa itu dilaksanakan Mac ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2010. Apabila siap, Bukit Kayu Hitam akan muncul sebagai bandar baru yang dilengkapi pelbagai bangunan perindustrian, komersial, penginapan dan zon perdagangan bebas cukai.

Northern Gateway memajukan kawasan seluas kira-kira 2,400 hektar, membabitkan kawasan dari sempadan Malaysia-Thailand di utara hingga kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam sedia ada di selatan.

Fasa pertama akan membabitkan pemindahan Kem Wataniah 305 dan Kompleks Jabatan Imigresen dan Kastam ke arah selatan. Pembangunan fasa pertama projek adalah pembinaan kawasan perdagangan bebas, industri berat termasuk kilang industri kecil dan sederhana (IKS), pusat komersial dan penginapan bercampur.

Pembangunan fasa kedua pula membabitkan pembinaan bangunan yang hampir sama dengan fasa pertama, kecuali pembinaan kem tentera serta kompleks Imigresen dan Kastam.

(END)